



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARAI BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (B) DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**PEGAWAI PELAJARAN KANAN (G.15)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Kementerian Pendidikan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI PELAJARAN KANAN  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
G.15 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.13 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

2. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah** hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.11 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
4. Aktif menghasilkan kertas kerja atau penulisan ilmiah atau memberikan ceramah dalam seminar, bengkel atau kegiatan professional adalah kelebihan.
5. Berpengalaman dalam pengurusan / pengetahuan hal ehwal peperiksaan, penilaian / perkembangan kurikulum dan bidang-bidang yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran adalah kelebihan.
6. Pernah mengikuti kursus kepimpinan seperti *Brunei Darussalam Leadership and Teacher Academy (BDTLA)*, *Leadership Signature Program (LSP)* dan *Graduan daripada Kursus Leadership Educational Programme (LEP)*, *Program Aspiring School Leadership (ASLP)*, *Program Brunei Darussalam School Senior Leadership (BPSSL)*, *Program Middle School Leadership (MSLP)* atau perkembangan eksekutif atau kemajuan profesional dalam dan luar negeri adalah kelebihan.
7. Mempunyai laporan pernilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Memimpin dan mengurus sekolah dengan efektif;
2. Meningkatkan pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti;
3. Membangun etos dan persekitaran yang kondusif;
4. Melaksanakan program / inisiatif hasil pembelajaran pelajar; dan
5. Mengajar atau menjalankan program pembangunan profesional / seminar / bengkel.